

21 FEB 1999

Sabah-ungkapan

UNGKAPAN MENARIK MENJELANG PILIHAN RAYA SABAH

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Dalam kehangatan suasana menjelang pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah, terdapat beberapa ungkapan menarik daripada ucapan yang dibuat di negeri itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain.

++ "Walaupun saya berasal dari Alor Setar, tumpuan yang saya beri kepada Alor Setar tidak lebih dari tumpuan yang akan saya beri kepada Keningau." -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Keningau sebagai jaminan beliau untuk memberi perhatian kepada pembangunan Keningau, sebuah daerah pedalaman di Sabah, untuk mendorong pembangunan kawasan pedalaman lain di negeri itu.

++ "Kita kebiasaannya menganggap keharmonian yang ada kini sebagai perkara biasa tetapi sebenarnya keadaan ini adalah luar biasa." -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Kinabalu untuk mengingatkan rakyat Sabah supaya tidak membenarkan diri mereka dihasut oleh pihak yang cuba menggunakan isu perkauman, kelainan agama dan budaya untuk mendapatkan undi.

++ "Ada pihak tertentu yang membawa ajaran bahawa bila kita mendapat sesuatu daripada mana-mana pihak, kita jangan berterima kasih, sebaliknya kita harus gigit tangan yang menyuap kita." -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sandakan ketika meminta rakyat menolak 'falsafah kebencian' yang disebarkan oleh pihak tertentu supaya mereka tidak berterima kasih kepada kerajaan yang telah memberi pelbagai kemudahan dan nikmat.

++ "Tiada orang semenanjung yang bertanding, dan apabila menang, yang menubuhkan kerajaan negeri ialah anak-anak Sabah sendiri." -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali di Kunak untuk meminta rakyat Sabah menolak sentimen anti semenanjung dan dakwaan kononnya pemimpin dari semenanjung hendak merampas hak orang Sabah.

++ "Sabah tetap hak orang Sabah." -- Datuk Ibrahim Ali di Kunak berhubung isu yang sama.

++ "Kalau ada yang meminta hak kita diserahkan, sayalah yang pertama akan membuat bantahan." -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok di Penampang sebagai memberi jaminan kepada rakyat Sabah bahawa negeri itu tidak akan kehilangan apa-apa haknya seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

++ "Kita sekarang sedang bermain dalam masa kecederaan." -- Tan Sri Bernard Dompok di Penampang, menggunakan istilah bola sepak untuk memberi gambaran bahawa Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan pada bila-bila masa saja.

++ "Jangan jadi macam ikan, jika silap makan umpan nanti kena goreng." -- Datuk Joseph Pairin Kitingan, Presiden Parti Bersatu Sabah, di Kota Kinabalu bagi mengingatkan pengundi supaya berhati-hati dengan pelbagai janji yang dibuat menjelang pilihan raya.

++ "Jika ia melibatkan anggota biasa, itu bukanlah isu besar." -- Haji Malik Chua, naib presiden Parti Bersatu Sabah, di Penampang, mengenai keputusan parti itu melarang mana-mana calonnya yang menang dalam pilihan raya nanti, melompat ke parti lain.

++ "Saya akur kepada nasihat Harris bahawa tidak elok bagi kami bertarung sesama saudara." -- Dayang Maimunah, anak Bapa Kemerdekaan Sabah allahyarham Tun Datu Mustapha Harun di Kudat, mengenai nasihat bekas ketua menteri Datuk Harris Salleh yang kini mengetuai parti pembangkang Bersekutu, supaya beliau tidak bertanding sebagai calon parti itu bagi merampas kerusi Banggi daripada adiknya Datuk Amir Kahar dari Barisan Nasional. Seorang lagi adiknya Datu Badaruddin diramal menjadi calon Parti Bersatu Sabah di situ.

-- BERNAMA

MAI